



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
DAN IKRAR BEBAS RASUAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR
BANDAR DAN WILAYAH 2018**

**12 MAC 2018, ISNIN
WAKTU KETIBAAN: 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam Sejahtera Dan Salam
Negeraku Malaysia

SALUTASI

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri II, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Azam bin Baki
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM

Yang Berbahagia Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KKLW

Yang Berusaha Puan Norison binti Ramli
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKLW

Yang Berbahagia Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan), KKLW

Yang Berbahagia Datuk Zulkarnain Bin Md Eusope
Ketua Pegawai Eksekutif
FELCRA

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian, Pegawai-pegawai SPRM

Rakan-rakan media,

YB dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam
Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Saya merasa amat sukacita dengan kehadiran warga KKLW pada pagi ini bagi **melafazkan Ikrar Bebas Rasuah** Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sepertimana kita maklum, KKLW adalah Kementerian yang turut sama mengambil inisiatif ini dalam usaha memerangi rasuah selaras dengan misi dan visi negara ke arah membentuk sebuah negara yang bersih dari amalan rasuah.
2. Kita juga merasa bertuah pada pagi ini kerana bersama-sama dengan kita, ialah Yang Berbahagia Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Sri Azam Baki yang akan menyaksikan majlis bersejarah ini dalam melakar tadbir urus organisasi yang cemerlang dan terunggul di dalam negara. Ini adalah satu penghormatan kepada KKLW yang telah memberikan komitmen tanpa berbelah bahagi ke arah menjadi sebuah organisasi yang bebas rasuah seterusnya negara yang bersih, cekap dan amanah.
3. Penjawat awam pada masa ini berdepan dengan keperluan dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat selaras dengan peningkatan tahap pendidikan, taraf hidup dan perkembangan semasa terutamanya dalam bidang teknologi maklumat. Rakyat yang semakin berpengetahuan menuntut perkhidmatan awam yang lebih cekap, berkesan dan berkualiti, telus, adil, dan amanah, serta tiada penyelewengan dan salah guna kuasa dalam perkhidmatan yang diberikan.
4. Justeru, pembudayaan integriti dalam perkhidmatan awam merupakan asas dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat. Elemen-elemen amalan positif berteraskan nilai murni yang digariskan dalam **Pelan Integriti Nasional (PIN)** seperti jujur, ikhlas, bijaksana, adil, telus dan syukur perlu dihayati dan sentiasa diamalkan oleh semua pihak. Nilai didikan integriti inilah yang akan menjadi benteng yang menghalang segala tipu daya yang boleh menjerumus ke kancah perbuatan yang tidak bermoral seperti amalan rasuah, yang boleh meruntuhkan sesebuah organisasi.
5. Perkara ini selaras dengan **Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH)**, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu **Kempen 3J**, yang merujuk kepada '**Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan Settle**' antara pemberi dan penerima rasuah. Ini kerana Rasuah bukan sahaja boleh meruntuhkan akhlak individu, malah ia juga boleh meruntuhkan institusi keluarga, masyarakat, organisasi dan negara jua.
6. **Rasuah**, bukan sahaja boleh dikategorikan dalam bentuk wang, malah sebarang pemberian termasuk tajaan yang menyebabkan seseorang tidak dapat melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang telah diamanahkan kepadanya.

Selain itu, salah guna kuasa dan kedudukan juga adalah sebahagian dari rasuah yang perlu diperangi dan ditolak kerana ia mengakibatkan penganiayaan kepada pihak yang terkesan akibat dari perbuatannya.

7. Dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam, ketelusan dan pelaksanaan secara ***without fear or favor*** merupakan sesuatu yang wajib dipunyai oleh setiap warga KKLW khususnya dan penjawat awam secara umumnya. Di sini jugalah akan timbul pelbagai dugaan dan godaan dari pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin meloloskan diri daripada mematuhi Undang-undang dan Pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

8. KKLW menyedari bahawa terdapat ruang yang boleh diperbaiki untuk meningkatkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan budaya kerja yang cemerlang di kalangan warga KKLW. Sehubungan itu, Ikrar Bebas Rasuah pada hari ini merupakan salah satu usaha untuk **meningkatkan lagi nilai-nilai integriti serta melahirkan modal insan yang lebih bertanggungjawab dan amanah dalam pelbagai aspek pelaksanaan tugas**. Ia juga menunjukkan komitmen pihak Pengurusan KKLW untuk menjadikan kementerian sebuah **organisasi yang telus** yang mana ia akan meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap kualiti dan perkhidmatan yang diberikan.

9. Maka dengan itu, majlis pada hari ini adalah amat bertepatan dengan masa dan keperluan pada ketika ini iaitu dalam persekitaran yang semakin mencabar dan kompleks. Ikrar Bebas Rasuah yang bakal ditandatangani ini menjadi **satu janji kita semua bukan sahaja kepada KKLW dan juga Kerajaan, malah ia adalah satu komitmen kepada diri sendiri** yang mendokong amanat agama untuk membentuk dan menjalani kehidupan yang baik atau lebih baik agar kehidupan diberkati.

PELAKSANAAN PROGRAM KKLW

10. Untuk makluman, selaras dengan semangat kerja berpasukan yang sentiasa ditekankan KKLW telah selesai mengadakan tiga (3) siri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang secara NBOS dengan semua Jabatan/Agensi di bawah KKLW. Tahniah diucapkan kepada 2,892 penerima APC dan 6 penerima PPC. Semoga semua warga KKLW akan terus memberikan kerjasama dan sepenuh komitmen dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

11. Tahun ini merupakan masa penting dimana kita semua akan membuat keputusan tertentu untuk menentukan masa depan kita bersama bagi menjadi faktor akan kesinambungan kepada kerajaan sedia ada. Warga KKLW memainkan peranan penting dalam menjalankan pentadbiran kerajaan dan dalam masa sama melaksanakan program dengan cekap, efisien dan integriti supaya segala yang hendak dilaksanakan itu dapat sampai ke tangan rakyat.

12. Disamping itu, KKLW telah menyenaraikan 172 program/projek yang merangkumi peruntukan sebanyak **RM705,368,750.00** untuk dilaksanakan secara *Quick Win* dengan sasaran semua program/projek dapat disiapkan sepenuhnya menjelang April 2018. Setakat tarikh ini, **6 projek telah siap sepenuhnya dan 133 dalam pelaksanaan** dengan prestasi perbelanjaan sebanyak **30.48% (RM 215,003.350.56)**.

13. Selain daripada program-program untuk penduduk luar bandar, KKLW juga turut aktif melaksanakan program-program antarabangsa. KKLW telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu *The 19th Africa-Asia Rural Development Organization (AARDO) Conference* di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur pada 26 Februari hingga 4 Mac 2018 yang lalu. Persidangan telah dihadiri oleh kira-kira 100 delegasi dan pemerhati daripada 20 negara ahli AARDO. Semasa persidangan tersebut, Malaysia telah dilantik sebagai Presiden AARDO untuk tempoh 2018 hingga 2020 dan Malaysia akan menerajui beberapa usaha untuk memajukan AARDO seperti membangunkan pelan strategik, usaha-usaha meningkatkan penggunaan teknologi digital di luar bandar serta meneliti perbelanjaan dan program-program AARDO supaya kekal relevan dengan keperluan negara-negara ahli AARDO.

PENUTUP

14. Akhir kata, saya amat berharap agar lafaz ikrar ini bukan sekadar memenuhi seruan untuk membanteras gejala rasuah tetapi juga sebagai pemangkin yang dapat meningkatkan lagi motivasi semua penjawat awam untuk melaksanakan tugas dan seterusnya memberi nilai tambah kepada organisasi, negara dan rakyat.

15. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Azam bin Baki dan pasukan SPRM atas kesudian beliau untuk hadir dalam **Majlis Perhimpunan dan Ikrar Bebas Rasuah KKLW** bersama **FELCRA** ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.